



Amaran!

Pihak Jabatan Agama Islam Perak tidak bertanggungjawab terhadap sebarang penambahan ayat selain daripada kandungan khutbah yang dikeluarkan.

"AKHIR RAMADAN DIREBUT - AWAL SYAWAL DISAMBUT"

5 April 2024 / 25 Ramadan 1445

الْحَمْدُ لِلّٰهِ¹ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَيْنَا شَهْرَ رَمَضَانَ بِنِعْمَةِ الصِّيَامِ، وَفَضَّلَ أَيَّامَهُ عَلَى سَائِرِ الْأَيَّامِ، وَضَاعَفَ فِيهِ الْأُجُورُ وَالْإِنْعَامُ، وَشَرَعَ فِي نَهَارِهِ الصِّيَامُ وَفِي لَيْلَاهُ الْقِيَامُ. أَشْهَدُ أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللّٰهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ الْمَلِكُ الْعَلَّامُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّداً عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ رَسُولُ السَّلَامِ. اللّٰهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ² وَعَلَى آلِهِ وَاصْحَابِهِ وَالثَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فِيمَا عِبَادَ اللّٰهِ! اتَّقُوا اللّٰهَ³ أَوْصِينُكُمْ وَإِيَّاهُ يَتَّقُوا اللّٰهُ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Jemaah yang dimuliakan

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah SWT, dengan melaksanakan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan Nya, dan pada masa yang sama, melipatgandakan amal, mengikhlaskan diri melaksanakan ibadah, terutama pada hari-hari dan malam-malam terakhir Ramadan yang masih berbaki. Mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk:

"AKHIR RAMADAN DIREBUT - AWAL SYAWAL DISAMBUT"

Firman Allah SWT, surah al-Qadr ayat 1 hingga 3:

﴿إِنَّا أَنْزَلْنَاهُ فِي لَيْلَةِ الْقَدْرِ ① وَمَا أَدْرَاكَ مَا لَيْلَةُ الْقَدْرِ ② لَيْلَةُ الْقَدْرِ خَيْرٌ مِّنْ أَلْفِ شَهْرٍ ③﴾

Bermaksud: Sesungguhnya Kami telah menurunkannya (al-Quran) pada malam al-Qadr (iaitu malam kemuliaan dan kebesaran). Tahukah kamu apakah malam al-Qadr itu? Malam kemuliaan itu lebih baik daripada seribu bulan.

Ayat 1 hingga ayat 3, surah al-Qadr, menjelaskan tentang kemuliaan dan kelebihan malam al-Qadr. Amal ibadat yang dilakukan pada malam yang mulia ini, lebih besar pahalanya daripada amal ibadat yang dilakukan pada seribu bulan yang lain. Diriwayatkan, Nabi Muhammad SAW membanyakkan amal ibadat pada sepuluh malam

¹ Memuji Allah

² Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

³ Pesan Taqwa



terakhir Ramadan, kerana mengharapkan amalan Baginda, bertepatan dengan malam al-Qadr, yang berlaku pada salah satu dari sepuluh malam terakhir bulan Ramadan. Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ كَانَ مِنْكُمْ مُلْتَمِسًا لِيَلَةَ الْقُدْرِ، فَلَيَلْتَمِسْنَهَا فِي الْعَشْرِ الْأُوَالِّ وَتِرًا

Bermaksud: "Sesiapa yang mencari malam al-Qadr, maka carilah pada sepuluh malam terakhir yang ganjil".
(Hadis Riwayat Ahmad)

Kesimpulannya, sepuluh malam terakhir Ramadan merupakan anugerah Allah SWT kepada umat Nabi Muhammad SAW. Ummul Mukminin Aishah RA, meriwayatkan perlakuan Nabi SAW bila datangnya sepuluh hari terakhir Ramadan:

إِذَا دَخَلَ الْعَشْرُ شَدَّ مُئْزَرَهُ، وَأَحْيَا لَيْلَهُ، وَأَيْقَظَ أَهْلَهُ

Bermaksud: "Bahwasanya Nabi SAW apabila masuk hari sepuluh terakhir Ramadan, Baginda mengetatkan kain (tidak menggauli isteri), menghidupkan malam tersebut, dan mengejutkan ahli keluarga (untuk turut menghidupkan malam)."

(Hadis Riwayat al-Bukhari)

Oleh itu, marilah kita bersungguh-sungguh memanfaatkan Ramadan yang masih berbaki ini dengan meningkatkan amal ibadah. Andai ditakdirkan, Ramadan ini merupakan Ramadan terakhir bagi kita, alangkah ruginya, jika kita mensia-siakan peluang untuk mendapat ihsan keampunan Ilahi. Sabda Nabi SAW:

... وَرَغَمَ أَنْفُ رَجُلٍ دَخَلَ عَلَيْهِ رَمَضَانُ ثُمَّ انْسَلَخَ قَبْلَ أَنْ يُغْفَرَ لَهُ ...

Bermaksud: Amat rugilah orang yang memasuki bulan Ramadan kemudian Ramadan berlalu, sedangkan dia tidak mendapat pengampunan Allah. (Hadis Riwayat al-Tirmizi)

Muslimin Rahimakumullah

Selain meningkatkan amalan-amalan sunat, mimbar mengingatkan para jemaah agar menunaikan kewajipan membayar zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah ialah zakat yang diwajibkan ke atas diri setiap Muslim mengikut syarat yang ditetapkan. Bagi mengelak terjatuhnya hukum haram, kerana melangkau tempoh wajib menunaikan zakat fitrah, ummah hendaklah menyegerakan pembayaran zakat fitrah, agar dapat melancarkan urusan agihan untuk memenuhi keperluan golongan fakir miskin,



berpeluang membuat persediaan menyambut Aidilfitri. Demi mendapat pahala dan keberkatan berganda daripada Allah SWT, diafdalkan untuk membayar zakat harta pada bulan Ramadan, jika sudah sampai tempoh wajib membayarnya.

Tetamu Allah yang dimuliakan,

Hari ini merupakan Jumaat terakhir Ramadan 1445 Hijrah. InsyaAllah jika dikurniakan usia, tertakluk kepada pengumuman Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja, kita akan menyambut Aidilfitri sama ada pada hari Rabu 10 April atau pun hari Khamis 11 April. Ramai yang telah membuat pelbagai persiapan; antaranya membeli pakaian baharu, menyediakan pelbagai juadah istimewa, menggantikan langsir dan perabot, dan merancang perjalanan balik ke kampung. Persiapan menyambut hari lebaran mestilah dalam semangat berpandukan syariat, dibuat secara sederhana dan paling utama menjauhi pembaziran; jauhi diri daripada berniat untuk bermegah-megah, bersifat riak mahu menunjukkan kelebihan diri mengatasi insan lain, sama ada ketika berpakaian baharu, atau menghidangkan juadah istimewa, atau menghiasi rumah dengan perabot dan langsir baharu.

Ummah dianjurkan merancang penyediaan juadah berkhasiat untuk kebaikan dan kesihatan tubuh badan. Ummah dinasihatkan untuk istiqamah menjaga adab dan kesopanan, ketika memperagakan pakaian dan perhiasan diri, dengan mengamalkan sifat bersyukur lagi merendah diri, mengamalkan sifat insani, insaf kepada golongan yang kurang berkemampuan, lalu berusaha untuk membantu meriangkan mereka dengan menghulurkan bantuan berbentuk pakaian, makanan dan wang ringgit menjelang Aidilfitri.

Syawal hendaklah disambut dengan memperteguh amalan-amalan sunnah Aidilfitri. Bermula dengan takbir pada malam 1 Syawal, diiringi mandi sunat Aidilfitri pagi paginya, menyarungkan pakaian baharu bagi yang mampu, namun jika tidak mampu membeli pakaian baharu, memilih pakaian terbaik yang sedia dimiliki untuk memenuhi sunah berhias pada hari raya. Hindari perbuatan berlebih-lebihan membeli pakaian baharu hingga menjurus kepada pembaziran dan mengabaikan keperluan-keperluan yang lebih asas.

Ummah disunatkan menjamah sedikit makanan sebelum menunaikan solat Aidilfitri, disunatkan memilih laluan yang berbeza bagi perjalanan pergi ke masjid dan pulang dari masjid, bertujuan dapat bertemu lebih ramai jiran dan rakan taulan untuk bersilaturahim. Ummah juga dituntut untuk merancang amalan ziarah bagi memuliakan ibu bapa, mertua,



saudara-saudara tua, adik beradik dan sanak saudara serta menggembirakan hati mereka dengan pemberian sedekah dan hadiah.

Mimbar mengutarakan pesanan-pesanan berikut;

Pertama: Ummah meniti hari-hari akhir Ramadan dengan beristiqamah, menjaga ibadah fardu seperti solat lima waktu secara berjemaah di masjid, serta menggandakan pelbagai amalan *nawafil* (sunat) seperti bersolat sunat, beriktikaf, membaca al-Quran, berusaha mengkhatamkannya sebelum berakhirnya Ramadan.

Kedua: Memohon keampunan llahi, membanyakkan istighfar dengan rasa insaf atas segala dosa yang pernah kita lakukan, memohon agar Allah SWT menjauahkan kita daripada mengulangi melakukan dosa yang lalu.

Ketiga: Menzahirkan tanda syukur akan nikmat rezeki kurniaan llahi dengan menuaikan zakat, wakaf, infak dan sedekah yang akan menambah keberkatan ke atas diri dan harta kita. Tingkatkan sedekah, disampaikan untuk menggembirakan ahli keluarga dan jiran tetangga yang dalam kesusahan, anak-anak yatim serta fakir miskin. Penerima sedekah yang paling afdal adalah dalam kalangan ahli keluarga terdekat yang amat memerlukan bantuan.

Keempat: Memandu di jalan raya secara berhemah, bersabar dan bertimbang rasa, demi keselamatan diri kita, penumpang dalam kenderaan yang kita pandu, demikian juga keselamatan pengguna lain di jalan raya.

Kelima: Memantau, mengawasi malah mencegah anak-anak daripada bermain bahan-bahan api untuk mengelakkan berlakunya kemalangan.

Semoga Ramadan kali ini berupaya menjadikan kita hamba Allah yang bertakwa, diampuni segala dosa, dilimpahi rahmat kehidupan dunia dan akhirat.

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفْعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقْبَلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تَلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ
الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ^٤ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمْرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى أَهْلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ، وَكُوْنُوا مَعَ الصَّادِقِينَ.

Muslimin yang dirahmati Allah,

Mimbar menyeru para jemaah agar tetap berpegang kepada aqidah Islamiah berteraskan Ahli Sunnah Wal Jamaah, yang menjadi warisan Rasulullah SAW, sahabat dan tabiin serta yang mengikutinya dari kalangan Asyairah Maturidiah. Jagalah hubungan dengan Allah SWT dan sesama manusia. Makmurkan rumah-rumah Allah dengan istiqamah mengerjakan ibadah, terutama solat fardu berjemaah. Perbanyak selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلِّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَتَّبِعُهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلَوْا عَلَيْهِ وَسَلَّمُوا تَسْلِيمًا
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَيْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ
مَجِيدٌ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَأَصْلِحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ
وَالْأَفْوَى بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَاجْعَلْ فِي قُلُوبِهِمُ الْإِيمَانَ وَالْحِكْمَةَ، وَثِقْتُمُ عَلَى مَلَكَةِ رَسُولِ اللهِ ﷺ.
اللَّهُمَّ أَعْزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ وَانْصُرْ إِخْرَانَا وَأَخْوَاتَنَا وَأَطْفَالَنَا فِي فَلَسْطِينَ، وَاحْفَظْ
أَهْلَهَا وَانْصُرْ جُنُودَهَا وَدَمِرْ أَعْدَائَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ya Allah! Ya Rabbal 'alamin!, Berkatilah kami pada bulan Ramadan. Kurniai kami malam Lailatulqadar dan dorong jiwa dan hati kami mudah menghidupkannya dengan amal kebaikan. Ampunilah segala dosa kami, dosa ibu bapa kami, dosa guru-guru kami, dosa ahli-ahli keluarga kami dan dosa seluruh umat Islam.

4 Memuji Allah

⁵ Selawat ke atas Nabi Muhammad SAW

⁶ Pesan Taqwa

7 Ayat Al-Quran

⁸ Doa untuk Kaum Muslimin



Ya Mannan! Ya Razzaq!, berkatilah hamba Mu yang melaksanakan zakat, wakaf dan sedekah. Kurniai mereka rezeki yang berlipat ganda, serta sucikanlah harta dan jiwa mereka; jauhi golongan *fuqara* dan *masakin* daripada kekufuran dan kefakiran yang berpanjangan.

Ya Dzal Jalaali wal Ikram!, jadikanlah kami antara hamba Mu yang memelihara amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat seperti salah guna harta benda bukan milik kami, memberi atau menerima rasuah, menyalahgunakan kuasa untuk kepentingan diri, serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab yang diamanahkan.

Ya Maalikal Mulk!, jauhi negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah; serahkan tanggungjawab pimpinan dan pengurusan negara kami kepada kalangan hamba Mu yang amanah dan ikhlas, serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan hukum.

Ya Malik! Ya Hadi!, kurniakanlah taufik dan hidayah Mu terhadap raja kami, Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah Ibni Almarhum Sultan Azlan Muhibbuddin Shah Al-Maghfur-Lah, dan Raja Permaisuri Perak Darul Ridzuan Tuanku Zara Salim serta kerabat diraja dan seluruh rakyat jelata.

رَبَّنَا إِنَّا فِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةً وَفِي الْأُخْرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، ﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾ فَإِذْ كُرُوا اللَّهُ الْعَظِيمُ يَذْكُرُهُمْ وَاسْكُرُوهُ عَلَى نِعْمَهِ يَزِدُّهُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِيهِمْ، وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

KEPADA KHATIB / IMAM BERTUGAS

PENGUMUMAN SEBELUM SOLAT JUMAAT MENGENAI WABAK DENGGI

Sidang Jemaah yang dimuliakan

Ada satu pengumuman berupa nasihat ingin disampaikan kepada sidang Jemaah iaitu mengenai penyakit demam denggi. Rekod menunjukkan berlaku peningkatan kes terutama dari tahun 2023 sehingga terbaharu sebanyak 5276 kes yang telah dilaporkan, disusuli 3 kes kematian pada awal tahun 2024. Beringatlah untuk diri dan ahli keluarga bahawa Denggi adalah satu penyakit yang amat merbahaya, berlaku disebabkan oleh jangkitan virus denggi melalui gigitan nyamuk Aedes.

Antara tanda-tanda dihinggapi virus denggi adalah, demam yang tinggi secara mengejut, (suhu badan 38°C hingga 40°C), sakit depala, sakit belakang mata, lenguh badan, dan lenguh sendi. Justeru, apabila terdapat tanda-tanda ini pada diri atau ahli keluarga, segeralah lakukan pemeriksaan kesihatan di mana – mana klinik kesihatan atau klinik swasta dan maklumkan kawasan kediaman anda untuk rekod perhatian pihak kesihatan.

Disenaraikan DUA langkah utama bagi mencegah nyamuk Aedes

- 1.** Menghapuskan tempat pembiakan dan membunuh nyamuk Aedes di sekitar kawasan perumahan dengan membenarkan pegawai kesihatan menjalankan kerja-kerja penghapusan nyamuk '*fogging*' di sekitar kawasan rumah. Selain itu, lakukan semburan racun nyamuk sebelum tidur bagi memastikan bilik atau ruang tidur bebas nyamuk Aedes.
- 2.** Menghapuskan tempat-tempat yang berpotensi berlakunya pembiakan jentik-jentik seperti barang yang menyebabkan takungan air jernih, merangkumi alas pasu bunga, tangki tandas, bekas air *dispenser*, tayar terpakai, perangkap semut, *tray* pingan dan pelbagai lagi. Perhatikan juga takungan semula jadi melalui pokok-pokok sekitar rumah seperti nenas, daun pandan, pisang dan apa sahaja yang boleh menakung air jernih. Jika temui apa sahaja takungan air anda diminta untuk membuang takungan tersebut dan menutup bekas tersebut dengan kemas agar tidak berlakunya takungan air. Lakukan langkah ini sekurang-kurangnya satu atau dua kali seminggu.

Semoga sidang Jemaah sekalian bebas dari nyamuk Aedes dan diberikan kesihatan yang baik untuk memudahkan beribadah kepada Allah SWT.